

## PERATURAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DAN KANDUNGAN

Penggunaan Perkhidmatan dan Kandungan anda mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam bahagian ini ("Peraturan Penggunaan"). Sebarang penggunaan lain Perkhidmatan dan Kandungan ialah pelanggaran utama terhadap Perjanjian ini. Pihak kami akan memantau penggunaan Perkhidmatan dan Kandungan anda bagi memastikan anda mematuhi Peraturan Penggunaan ini.

Sebarang maklumat atas nama anda dan keluarga yang didaftarkan yang berada di aplikasi anda adalah hak milik mutlak anda. Sebarang penyebaran dipihak anda adalah tanggungjawab anda dan keluarga anda.

- Anda boleh menggunakan Perkhidmatan dan Kandungan hanya bagi tujuan peribadi, bukan perdagangan
- Anda tidak boleh memindahkan atau menggunakan kandungan di dalam aplikasi ini untuk tujuan komersial atau promosi atau penafikan sebarang hak cipta pemilik.
- Anda bertanggungjawab untuk tidak menghilangkan, memusnahkan atau merosakkan Kandungan selepas dimuat turun.
- Anda tidak boleh mengubah atau memintas sebarang teknologi keselamatan yang disertakan dengan Perkhidmatan atau Kandungan di aplikasi ini.

Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan untuk:

- menyiarkan sebarang bahan yang anda tidak mempunyai kebenaran, atau hak untuk menggunakannya.
- menyiarkan maklumat peribadi, persendirian atau sulit kepunyaan orang lain.
- meminta maklumat peribadi daripada individu di bawah umur yang bukan dari keluarga anda.
- menyamar atau memberikan gambaran palsu berkenaan hubungan anda dengan individu atau entiti lain.
- merancang atau terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, penipuan atau manipulasi.